UUM atasi Utar pertahan kejuaraan kuiz PNB

BH 30/7/05 B12:1.

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) sekali lagi membuktikan keunggulan mereka dalam Pertandingan Kuiz Pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB) Kategori Universiti dengan mempertahankan kejuaraan dua tahun berturut-turut.

Pasukan itu menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) dalam Pertandingan Akhir Kuiz Pelaburan PNB Kelima Peringkat Kebangsaan di Bangi, kelmarin.

Pada pertandingan itu, UUM diwakili Tan Boon Liang, Nor Aniza Ramli dan Nurbaiyah Mohd Idris; UPM (Abu Samah Jamaluddin, Mohamad Sazali Mais dan Loke Chan Hoe); manakala Utar pula Tee Chuen Siong, Chew Phaik Suan Leanne dan Chew Wei Chuan.

Berikutan kemenangan itu, UUM menerima hadiah berupa Piala Pengerusi PNB, wang tunai RM5,000 dan hadiah iringan yang disampaikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Utar pula menerima hadiah wang tunai RM3,000, sementara UPM yang pernah muncul juara pada 2003 sekadar berpuas hati dengan kedudukan ketiga bersama hadiah wang tunai RM2,000.

Kedua-dua pasukan itu turut menerima hadiah iringan. Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman.

Tan ketika ditemui *Berita Harian*, gembira kerana pasukannya berjaya mengekalkan kejuaraan UUM yang disifatkan sebagai `sumbangan penghargaan' mereka terhadap universiti.

"Kemenangan ini memang di luar jangkaan kerana pasukan pesaing juga tidak kurang hebatnya. Bagaimanapun, pasukan kami sentiasa berpegang kepada prinsip keteguhan kerjasama dan persefahaman.

"Pendedahan melalui program ini banyak memberi manfaat kepada kami, terutama dari segi memperoleh pelbagai maklumat penting mengenai pelaburan," katanya.

Sementara itu, Dr Shafie dalam ucapannya pada majlis berkenaan pula berkata, usaha PNB dan badan korporat lain menyediakan platform pendidikan sedemikian sentiasa dialu-alukan.

"Usaha PNB ini bukan saja memberi manfaat jangka panjang kepada negara, malah pada masa sama mendedahkan pelajar kepada peluang yang boleh diterokai dalam bidang pelaburan dan kewangan," katanya.

Tahun ini, 90 pelajar mewakili 15 institusi pengajian tinggi (IPT), iaitu 11 awam dan empat lagi swasta, menyertai Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB (Kategori Universiti).

UUM/BH/30.07.2005/P: B12(1)